

11 AUG 2000

Mahathir-Lawatan/I

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

LANGKAWI, 11 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari.

Ketibaan beliau disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib dan orang kenamaan negeri.

Dr Mahathir dijadual melancarkan sambutan ulangtahun pertama pelayaran bersejarah Datuk Azhar Mansor secara solo mengelilingi dunia di resort Awana Porto Malai di sini malam ini.

Beliau juga akan melancarkan satu dokumentari mengenai pelayaran Azhar yang disiarkan oleh sebuah stesen televisyen swasta.

Dr Mahathir juga akan melancarkan sebuah portal Internet yang dikhususkan untuk belia Malaysia.

Esok beliau akan melawat Perkampungan Kristal dan limbungan kering pertama bagi kapal layar di Pulau Rebak, di Barat daya Langkawi.

Perkampungan milik Langkawii Crystaal itu merupakan tarikan terbaru pelancong di sini yang berkonsepkan kampung Melayu tradisional dengan kemudahan termasuk sekolah latihan antarabangsa, pusat penyelidikan dan pembangunan, dewan pameran dan galeri dengan tarikan semata-mata dikhususkan kepada bahan-bahan kristal.

Limbungan kering Rebak Island Marina Berhad itu pula menyediakan kemudahan untuk kapal persiaran dan kapal layar diangkat ke darat untuk diperbaiki dan disenggara. Ia mampu menempatkan 70 kapal layar dalam satu-sat masa.

Pada Ahad, beliau akan merasmikan cabaran kart Indy Enduro Piala Perdana Menteri Langkawi 2000 di sirkit kart Morac International.

Acara itu, yang diadakan sempena perayaan Hari Kebangsaan, dianjurkan bersama Mofaz Motorsport Sdn Bhd dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada). Ia menarik 112 penyertaan dari Jepun, United Kingdom, Itali, Amerika Syarikat, Australia, China, Indonesia, Brunei dan Thailand.

Pada hari yang sama, Dr Mahathir dijadual menutup kejohanan badminton Piala Perdana 2000 anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti).

-- BERNAMA

NH/AHM RON